

Terma & Syarat Kad Debit-i Bank Rakyat

NOTIS PENTING

- i. Pemegang Kad dinasihati untuk membaca dan memahami secara keseluruhan segala Terma dan Syarat yang tertera di sini sebelum membuat pengakuan menerima atau menggunakan Kad (ditakrifkan di bawah).
- ii. Pemegang Kad adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan segala pindaan-pindaan ke atasnya pada masa akan datang selaras dengan pengeluaran atau penggunaan Kad.
- iii. Untuk keselamatan, sila TANDATANGAN di belakang Kad anda dengan SEGERA agar pihak ketiga tidak dapat menggunakannya.
- iv. Pemegang Kad PERLU memaklumkan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad ("Bank") dengan kadar SEGERA sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan. Sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di 1300-80-5454 atau +603-5526 9000 (Talian Antarabangsa) atau Cawangan berhampiran untuk sebarang pengemaskinian maklumat seperti perubahan alamat dan nombor telefon atau sekiranya anda memerlukan sebarang penjelasan tentang Kad.
- v. Untuk laporan kehilangan dan kecurian Kad, sila hubungi talian Pusat Panggilan Bank Rakyat di 1-300-80-5454 atau +603-5526 9000 (Talian Antarabangsa) dengan kadar SEGERA. Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas sebarang urusan dan penggunaan Kad sebelum penerimaan pemberitahuan tersebut oleh Bank.
- vi. Sekiranya terdapat kesilapan atau percanggahan pada transaksi Kad anda, sila maklumkan kepada Pusat Panggilan Bank Rakyat di 1-300-80-5454 atau +603-5526 9000 (Talian Antarabangsa) atau Cawangan berhampiran dengan kadar SEGERA iaitu dalam masa 14 hari dari tarikh transaksi tersebut dilakukan.
- vii. Pemegang Kad perlu memaklumkan kepada Pusat Panggilan Bank Rakyat di 1-300-80-5454 atau +603-5526 9000 (Talian Antarabangsa) terlebih dahulu sekiranya ingin menggunakan Kad bagi membuat sebarang urusan di luar negara.

1. TERMA DAN SYARAT

- 1.1 Pengeluaran Kad oleh Bank kepada Pemegang Kad, pengakuan penerimaan dan/atau penggunaan Kad oleh Pemegang Kad adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Sekiranya ada sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Bank akan memaklumkan kepada Pemegang Kad segala perubahan, pindaan dan/atau penambahan sekurang-kurangnya 21 hari sebelum perubahan atau pindaan tersebut berkuat kuasa.
- 1.2 Definisi dan Interpretasi: Melainkan jika konteksnya membawa maksud yang lain, ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang dinyatakan atau tertera di bawah:
 - a. **Akaun** bermaksud Akaun Semasa-i dan/atau Akaun Simpanan-i di bawah nama pemegang akaun yang memegang tanggungjawab utama terhadap semua urusan akaun berkenaan. Semua pemegang akaun adalah bertanggungjawab ke atas sebarang

urusniaga yang timbul daripada penggunaan Kad yang مخصوصkan untuk akaun bersama.

- b. **Kad** bermaksud setiap Kad Debit-i yang dikeluarkan oleh Bank, termasuk semua Kad Debit-i yang dikeluarkan secara kolaborasi penjenamaan (“co-brand”) dengan mana- mana rakan niaga terpilih, yang boleh menggunakan aplikasi ATM Bank dan sebarang pengantiannya yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad untuk membolehkan mereka menggunakan ATM, CDM atau di kaunter cawangan-cawangan Bank yang diluluskan dan/atau ditetapkan, melalui pad PIN atau cara lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa, di dalam atau luar Malaysia.
- c. **Pemegang Kad** bermaksud pendeposit yang memegang Kad di mana Bank adalah tuan empunya Kad.
- d. **Pengakuan Penerimaan** bermaksud sebarang dokumen yang diterima oleh Bank dan ditandatangani oleh Pemegang Kad bagi tujuan pengakuan penerimaan Kad, termasuk penggunaan Kad selepas pengaktifan kad dilakukan.
- e. **SST** bermaksud terminal layan diri termasuk ATM, Mesin Deposit Tunai (CDM) dan mesin layan diri lain yang dipasang oleh pihak Bank atau Rangkaian antara Bank yang dikongsi untuk kegunaan Pemegang Kad.
- f. **ATM** bermaksud Mesin Juruwang Automatik atau alat milik Bank atau mana-mana institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga sama ada di Malaysia atau tempat-tempat lain.
- g. **Bank** bermaksud Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad yang beralamat di Tingkat 35, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33 Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur.
- h. **MyDebit** bermaksud perkhidmatan yang membolehkan pemegang Kad membuat transaksi pembelian di Saudagar yang terpilih di seluruh negara.
- i. **Urusniaga** bermaksud urusanniaga yang dilakukan/boleh dilakukan dengan/tanpa menggunakan Kad dan/atau telefon dan termasuk pengeluaran, pembayaran, pindahan wang, pertanyaan baki, deposit (wang tunai atau cek), pembelian runcit bagi barangan yang patuh Syariah, pembayaran Akaun Kad Debit-i, permintaan penyata kewangan Akaun, bayaran bil dan sebarang khidmat perbankan elektronik lain yang ditawarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- j. **Perkhidmatan** bermaksud perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pemegang Kad termasuk SST, Perbankan Telefon dan perkhidmatan perbankan elektronik dan internet yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- k. **PIN** bermaksud Nombor Pengenalan Peribadi yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad atau no pin yang dipilih oleh Pemegang Kad untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan melalui mana-mana SST.
- l. **Pemegang Kad Bersama** bermaksud satu atau lebih Kad dikeluarkan bagi akaun bersama. Pemegang Kad Bersama bertanggungjawab secara bersama di bawah Terma & Syarat yang dinyatakan bagi tujuan perkataan yang digunakan meliputi erti orang perseorangan dan juga bermaksud beberapa orang.

- m. **Nombor Laluan** bermaksud nombor laluan yang diberikan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad yang perlu digunakan bersama PIN untuk perbankan internet, sekiranya ada.
 - n. **Saudagar** bermaksud syarikat, atau mana-mana individu atau peruncit yang membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan dan menerima Kad sebagai kaedah pembayaran.
 - o. **Pengeluar Tunai Dibenarkan** bermaksud mana-mana saluran yang ditetapkan oleh Bank atau mana-mana institusi yang ditetapkan oleh Bank yang menyediakan kemudahan pengeluaran wang tunai.
 - p. **Pengeluaran Wang Tunai** bermaksud pengeluaran wang tunai daripada Akaun di ATM atau di mana-mana Pengeluar Tunai Dibenarkan.
 - q. **Deraf Jualan** bermaksud slip, atau dokumen berkaitan yang dikeluarkan oleh Saudagar atau Pengeluar Tunai Dibenarkan bagi tujuan merakam, mengesahkan dan membuktikan pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat oleh Pemegang Kad dengan menggunakan Kad.
 - r. **Terminal Tanpa Sentuh (*Contactless*)** bermaksud terminal pembayaran yang dilengkapi dengan pembaca tanpa sentuhan yang memproses urusan dari Kad.
 - s. **Tarikh Ulang Tahun** bermaksud tarikh Kad Debit-i Bank Rakyat dikeluarkan dan sekiranya Kad Debit-i Bank Rakyat hilang, dicuri, rosak atau jika PIN diketahui orang atau dilupai, bermaksud tarikh penggantian Kad Debit-i Bank Rakyat tersebut.
 - t. **Tarikh Tempoh Sah** bermaksud tarikh tamat Kad yang dicetak di atas kad.
 - u. **Arahan Telekomunikasi** bermaksud arahan daripada Pemegang Kad kepada Bank menerusi telefon atau penghantaran faksimili, system pesanan ringkas (SMS), emel, tranmisi elektronik (iaitu termasuk aplikasi perbankan mudah alih) atau melalui sebarang arahan telekomunikasi.
 - v. **iRakyat** bermaksud perbankan internet yang disediakan oleh Bank.
- 1.3 Perkataan-perkataan dan pernyataan-pernyataan yang merujuk kepada kata tunggal hendaklah termasuk bentuk majmuk dan sebaliknya dan perkataan-perkataan dan pernyataan-pernyataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan atau genus neuter.
- 1.4 Terma dan Syarat ini adalah tambahan dan tertakluk kepada perjanjian, peraturan dan garis panduan serta Terma dan Syarat yang mengawal Akaun, perkhidmatan serta kemudahan di bawah Akaun dan/atau melalui penggunaan Kad yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 1.5 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau perbezaan di antara perjanjian, peraturan dan garis panduan serta Terma dan Syarat yang mengawal Akaun, perkhidmatan dan kemudahan yang Terma & Syarat Kad dinyatakan di atas dengan Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat ini haruslah dijadikan rujukan utama apabila dikaitkan dengan penggunaan Kad.
- 1.6 Terma dan Syarat ini adalah tidak muktamad dan pihak Bank boleh dari semasa ke semasa

menambah, membatalkan atau meminda mana-mana terma dan syarat ini pada bila-bila masa dengan memberi notis pemberitahuan tidak kurang daripada 21 hari sebelum penambahan, pembatalan atau pindaan dilaksanakan mengikut kaedah pemberitahuan yang ditentukan atas budibicara Bank sama ada melalui:

- a) penghantaran notis ke alamat terakhir diketahui oleh Bank kepada Pemegang Kad; atau
 - b) penghantaran secara sistem pesanan ringkas atau mel elektronik ke alamat atau nombor telefon Pemegang Kad yang diketahui oleh Bank; atau
 - c) menyiarkan notis mengenaiinya di laman sesawang rasmi Bank; atau mana-mana kaedah pemberitahuan lain yang dirasakan sesuai oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 1.7 Baki Akaun simpanan yang dilaporkan oleh SST dan Perbankan Telefon, perbankan internet atau apa-apa cara lain tidak boleh dianggap sebagai penyata muktamad bagi akaun Pemegang Kad dengan pihak Bank untuk apa jua tujuan.
- 1.8 Pihak Bank akan menyimpan rekod urusan bulanan bagi semua urusan Kad yang berkaitan dengan akaun Pemegang Kad dengan pihak Bank.
- 1.9 Untuk Kad, tiada Penyata Bulanan Transaksi akan dicetak dan dihantar kepada Pemegang Kad. Walaubagaimanapun:
- a. Transaksi Kad boleh disemak melalui saluran perbankan internet iRakyat dari semasa ke semasa secara PERCUMA.
 - b. Permohonan untuk salinan penyata transaksi Kad boleh juga dibuat dengan menghubungi Pusat Kad Bank Rakyat. Caj salinan penyata transaksi (jika ada) akan dimaklumkan oleh Bank kepada Pemegang Kad melalui notis.

2. KAD DEBIT-i BANK RAKYAT

- 2.1 Konsep Syariah yang digunakan ialah Ijarah Khadamat. Ijarah Khadamat merujuk kepada kontrak yang dilaksanakan ke atas sesuatu khidmat atau pekerjaan yang dilaksanakan oleh seseorang individu atau institusi / syarikat dengan pembayaran upah yang tertentu.
- 2.2 Kad adalah hak milik Bank pada setiap masa dan mesti diserahkan kembali kepada pihak Bank apabila diminta berbuat demikian.
- 2.3 Pemegang Kad hendaklah menyimpan dan menggunakan sendiri kadnya dan tidak boleh memindah milik, mencagar atau menggunakannya sebagai jaminan untuk sebarang urusan.
- 2.4 Kad hanya sah digunakan di dalam Tarikh Tempoh Sah Kad. Pemegang Kad hendaklah memastikan Kad yang telah tamat tempoh sah dihapuskan serta merta dengan memotong dua Kad tersebut melintasi jalur magnetik dan mikrochip untuk memastikan kad telah dimusnahkan sepenuhnya.
- 2.5 Pemegang Kad mesti menggunakan dan menyimpan Kad untuk kegunaannya sendiri dan tidak sesekali menggunakannya selepas pembatalan atau ditarik balik atau selepas Pemegang Kad tidak lagi menjadi pelanggan Bank.

3. KERAHSIAAN PIN

- 3.1 Pemegang Kad tidak boleh memberitahu PIN kepada orang lain termasuklah kakitangan Bank. Jika PIN telah diketahui atau disyaki diketahui, Pemegang Kad hendaklah menghubungi Bank dengan SEGERA. Penggantian Kad atau penukaran PIN akan dilakukan sekiranya diperlukan oleh Pemegang Kad.
- 3.2 Sekiranya PIN harus diberitahu atau didedahkan atas apa-apa sebab atau jika Pemegang Kad terlupa PINnya, Pemegang Kad mestilah dengan segera memaklumkan kepada Bank secara lisan dan/atau bertulis dan sekiranya perlu, menyerahkan Kad kepada Bank untuk pembatalan.
- 3.3 Apabila Kad diserahkan untuk pembatalan, Bank boleh menggantikan Kad yang baru, di atas permintaan Pemegang Kad yang akan menerima dan menggunakan Kad baru tersebut yang tertakluk kepada Terma dan Syarat ini termasuk sebarang pindaan yang ada yang telah dimaklumkan kepada Pemegang Kad.
- 3.4 Apabila Kad dikeluarkan atau diganti dengan Kad baru, Pemegang Kad harus memilih atau menukar PINnya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa di pad PIN yang disediakan oleh pihak Bank atau di mana-mana ATM Bank.

4. MYDEBIT

- 4.1 Tiada caj yang dikenakan kepada Pemegang Kad bagi setiap transaksi yang dibuat menggunakan perkhidmatan MyDebit.
- 4.2 Jumlah had pembelian adalah bergantung pada had pengeluaran harian yang dibenarkan seperti di mesin ATM atau iRakyat.
- 4.3 Jumlah pembelian akan di debit terus dari Akaun bagi setiap transaksi pembelian yang berjaya.
- 4.4 Jika Pemegang Kad ingin membatalkan transaksi pembelian yang dibuat melalui Perkhidmatan MyDebit, pembatalan mesti dibuat pada hari dan tarikh yang sama dengan tarikh transaksi pembelian dibuat dan amaun pembelian akan dikreditkan semula ke Akaun.
- 4.5 Transaksi MyDebit boleh dilakukan di Saudagar yang di senaraikan halal.

5. PENGGUNAAN KAD DEBIT-i BANK RAKYAT

- 5.1 Dalam tempoh sah dan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, Kad boleh digunakan oleh Pemegang Kad untuk mengakses kemudahan dan perkhidmatan patuh Syariah yang disediakan oleh Bank menerusi Kad dari semasa ke semasa.
- 5.2 Kemudahan dan perkhidmatan yang dapat diakses menerusi Kad adalah tertakluk kepada baki yang terdapat di dalam Akaun Pemegang Kad. Had transaksi Kad ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 5.3 Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesemua urusan yang dibuat dengan Kad tersebut.

- 5.4 Kad tidak boleh digunakan untuk sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang termasuk aktiviti perbankan haram menerusi internet, pertaruhan atau perjudian dan tujuan-tujuan yang bertentangan dengan prinsip Syariah sama ada secara langsung ataupun tidak langsung (sengaja/tidak sengaja). Pihak Bank berhak menamatkan Kad dengan serta merta dengan memberi notis kepada Pemegang Kad, melalui kaedah makluman seperti di klausa 18.0 (Notis) sekiranya didapati Pemegang Kad menggunakan Kad untuk tujuan tersebut.
- 5.5 Penggunaan Kad di Saudagar-saudagar berikut mungkin akan dikenakan amaun pra-keizinan (*pre-authorisation amount*) dan amaun tersebut adalah berdasarkan jumlah penggunaan dan/atau tertakluk kepada ketetapan pihak Saudagar:
- Hospital
 - Hotel
 - Stesen Minyak (Terminal Layan Diri sahaja)
- 5.6 Sekiranya sesuatu transaksi yang menggunakan kad tanpa sentuh atau card-not-present tidak dilindungi oleh kaedah pengesahan kukuh (seperti *OTP* atau langkah keselamatan yang setara), Pemegang Kad tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kerugian kewangan yang timbul, dengan syarat Pemegang Kad tidak melakukan penipuan dan telah mematuhi tanggungjawab di bawah Klausa 35.
- 5.7 Kad Debit-i Bank Rakyat hanya sah sekiranya digunakan dalam Tarikh Tempoh Sah. Pemegang Kad mesti memastikan yang ia dihapuskan serta merta selepas tempoh tamat dengan dipotong dari pepenjuru ke pepenjuru.
- 5.8 Kad tidak boleh digunakan sama sekali selepas pembatalan, tamat tempoh atau ditarik balik atau selepas Pemegang Kad tidak lagi menjadi pelanggan Bank.

6. URUSNIAGA LUAR NEGARA, TANPA KAD DAN SECARA DALAM TALIAN

- 6.1 Bagi memastikan perlindungan maksimum kepada Pemegang Kad, semua Kad akan disekat daripada melakukan transaksi di luar negara serta transaksi tanpa kad/ pembelian secara dalam talian yang tidak mempunyai ciri keselamatan yang tinggi.
- 6.2 Pemegang Kad boleh memilih untuk melakukan transaksi di luar negara atau transaksi tanpa kad/pembelian dalam talian dengan mengaktifkan kad atau membuat pilihan masuk (opt-in) melalui mana-mana saluran yang disediakan dan dimaklumkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.
- 6.3 Sekiranya Pemegang Kad melakukan transaksi di luar negara atau transaksi tanpa kad/pembelian dalam talian yang tidak melalui aplikasi '3D Secured', Pemegang Kad mungkin terdedah kepada risiko-risiko berkaitan seperti berikut:-
- Maklumat kad berpotensi untuk dicuri atau disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
 - Maklumat kad yang telah diperoleh secara tidak sah boleh digunakan untuk melaksanakan transaksi tanpa kebenaran.
 - Transaksi tanpa kebenaran ini boleh menjejaskan penggunaan kad sehingga siasatan selesai dijalankan.

- 6.4 Sekiranya Pemegang Kad menggunakan Kad bagi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan melalui internet atau mana-mana portal dalam talian, Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan dan penggunaan Kad tersebut pada setiap masa. Pemegang Kad bersetuju bahawa kemasukan maklumat Kad melalui internet atau portal dalam talian merupakan bukti yang mencukupi mengenai kesahihan dan keabsahan arahan yang diberikan. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penggunaan Kad tanpa kebenaran, sama ada penggunaan tersebut telah dibenarkan oleh Pemegang Kad atau sebaliknya dan tanpa mengambil kira keadaan transaksi, tertakluk kepada Klausula 7 di bawah. Walau bagaimanapun, Bank berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk menolak atau tidak menyempurnakan mana-mana transaksi sedemikian sekiranya Bank mempunyai sebab untuk meragui kesahihan, keabsahan di sisi undang-undang atau kewajarannya, atau atas apa-apa sebab lain.
- 6.5 Pemegang Kad boleh menggunakan Kad untuk membuat sebarang urusan yang patuh Syariah di luar negara, di mana-mana Saudagar atau daripada Saluran Tunai yang Dibenarkan.
- 6.6 Untuk pertukaran urusan luar negara, kadar pertukaran pada tarikh kemasukan mungkin berbeza dengan kadar pertukaran pada tarikh urusan yang disebabkan oleh turun naik pasaran. Kadar yang dikenakan adalah terakhir dan muktamad dan Pemegang Kad hendaklah menanggung sebarang risiko pertukaran dan kerugian yang mungkin terlibat.
- 6.7 Semua urusan di antara negara oleh Pemegang Kad tidak boleh melanggar undang-undang di negara di mana urusan berlaku. Di mana perlu, Pemegang Kad harus mematuhi Peraturan Kawalan Pertukaran yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, dan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran peraturan, termasuk sebarang pindaan padanya.
- 6.8 Pemegang Kad dengan ini juga bersetuju mematuhi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Wang Asing di dalam pengendalian Pemegang Kad.

7. KEHILANGAN, KECURIAN DAN PENDEDAHAN PIN TANPA KEBENARAN

- 7.1 Pemegang Kad bersetuju dan melaksanakan semua tanggungjawab dan langkah-langkah yang munasabah bagi mencegah kehilangan, kecurian atau pendedahan PIN tanpa kebenaran Kad dan akan segera memaklumkan kepada Bank.
- 7.2 Pemegang Kad faham bahawa kegagalan melaksanakan tanggungjawab dan langkah-langkah munasabah untuk menjaga Kad boleh mengakibatkan Kad tersebut digunakan tanpa kebenaran dan mengakibatkan kerugian.
- 7.3 Jika berlaku sebarang kehilangan atau kecurian Kad atau pendedahan PIN tanpa kebenaran dan keadaan seumpamanya, Pemegang Kad perlu memaklumkan kepada Bank dengan KADAR SEGERA*.

NOTA: KADAR SEGERA* bermaksud kehilangan atau kecurian atau berlaku pendedahan PIN tanpa kebenaran dimaklumkan kepada Bank dalam tempoh DUA (2) jam dari masa kejadian.

- 7.4 Jika berlaku apa-apa pertikaian, Pemegang Kad perlu menghantar borang pertikaian yang lengkap beserta satu salinan laporan polis kepada pihak Bank dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh transaksi tidak sah diketahui.

- 7.5 Sekiranya Kad yang hilang atau dicuri ditemui semula, Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad tersebut dan hendaklah dengan serta-merta memotong Kad tersebut kepada dua menerusi jalur magnetik dan mikrochip untuk memastikan kad telah dimusnahkan sepenuhnya.
- 7.6 Pemegang Kad boleh meminta Bank untuk mengeluarkan kad gantian apabila mendapati terdapat apa-apa kerugian, kecurian dan / atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan atau apabila mengetahui terdapat mana-mana individu atau pihak ketiga yang telah memperolehi maklumat PIN. Mana-mana pengeluaran kad gantian adalah tertakluk kepada fi penggantian kad yang ditentukan oleh Bank.

8. PENGGANTIAN KAD

- 8.1 Pihak Bank berhak mengenakan bayaran perkhidmatan bagi setiap penggantian Kad yang hilang, dicuri, atau jika nombor PINnya diketahui orang lain atau telah dilupai. Penggunaan kad gantian tertakluk kepada Terma & Syarat yang berkuat kuasa pada tarikh penggantian diluluskan.

9. LIABILITI PEMEGANG KAD

- 9.1 Pemegang Kad adalah bertanggungjawab kepada semua urusan yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad.
- 9.2 Pemegang Kad bertanggungjawab ke atas urusan tanpa kebenaran di mana pengesahan PIN diperlukan, sekiranya Pemegang Kad didapati:
- melakukan penipuan;
 - kelewatan yang munasabah untuk memaklumkan dengan KADAR SEGERA* kepada pihak Bank sebaik sahaja menyedari tentang kehilangan/kecurian atau penggunaan Kad yang tidak sah;
 - dengan sukarela mendedahkan nombor PIN kepada pihak lain; atau
 - merekod nombor PIN di atas Kad, atau apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad dan kemungkinan hilang atau dicuri bersama Kad tersebut.
- 9.3 Pemegang Kad bertanggungjawab ke atas urusan tanpa kebenaran di mana pengesahan tandatangan diperlukan atau penggunaan Kad tanpa sentuh, sekiranya pemegang kad didapati:
- melakukan penipuan;
 - kelewatan yang munasabah untuk memaklumkan dengan KADAR SEGERA* kepada pihak Bank sebaik sahaja menyedari tentang kehilangan/kecurian atau penggunaan Kad yang tidak sah;
 - meninggalkan Kad atau barang mengandungi Kad tanpa dijaga, di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh pihak lain, kecuali di tempat kediaman Pemegang Kad. Walaubagaimanapun, Pemegang Kad diharap mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi Kad walaupun di tempat kediaman Pemegang Kad; atau
 - dengan sukarela membenarkan pihak lain menggunakan Kad.

NOTA: KADAR SEGERA* bermaksud kehilangan atau kecurian atau berlaku pendedahan PIN tanpa kebenaran Kad dimaklumkan kepada bank dalam tempoh DUA (2) jam dari masa

kejadian disedari.

- 9.4 Jika Pemegang Kad diarahkan Bank untuk mengembalikan Kad, Pemegang Kad perlu memotong Kad kepada dua menerusi jalur magnetik atau mikrochip kepada Bank dan gagal atau terlupa melakukan sedemikian, Pemegang Kad adalah bertanggungjawab atas kesemua urusan yang dibuat dengan menggunakan Kad tersebut, sama ada ia dibenarkan oleh Pemegang Kad atau tidak, sehinggalah Kad dikembalikan kepada Bank secara yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

10. PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN MELEBIHI DANA

- 10.1 Pemegang Kad adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa penggunaan Kad adalah tidak melebihi jumlah dana yang terdapat di dalam Akaun.

11. PENGGANTUNGAN ATAU PENAMATAN

- 11.1 Sebagai tambahan kepada dan tanpa menyimpang dari mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini, Bank boleh menggantung atau menamatkan Terma dan Syarat ini menerusi notis bertulis di mana Bank mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Pemegang Kad telah menyalahgunakan Kad dan/ atau terlibat dalam sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang termasuk pertaruhan dan/ atau perjudian melalui internet dan/ atau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengubahan wang haram sama ada secara langsung ataupun tidak langsung (sengaja/ tidak sengaja) dan/ atau telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Berikutan penamatan itu, Pemegang Kad akan dengan serta merta dibatalkan sama ada Kad tersebut dikembalikan atau tidak kepada Bank.
- 11.2 Sebagai tambahan Bank juga boleh menggantung atau menamatkan Terma dan Syarat ini menerusi notis bertulis, di mana Bank mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Pemegang Kad telah menggunakan Kad secara bertentangan dengan prinsip Syariah, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung (sengaja/ tidak sengaja). Berikutan penamatan itu, Pemegang Kad akan dengan serta-merta dibatalkan sama ada Kad tersebut dikembalikan atau tidak kepada Bank.
- 11.3 Adalah dengan ini dipersetujui oleh Pemegang Kad dan Bank bahawa semua peruntukan yang terkandung di sini akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya tanpa mengambil kira akan penamatan penggunaan Kad selaras dengan Terma dan Syarat ini.

12. PERISTIWA-PERISTIWA KEINGKARAN

- 12.1 Apabila berlakunya mana-mana dari peristiwa-peristiwa berikut pada bila-bila masa dan tanpa mengira sama ada peristiwa tersebut berada di dalam atau di luar kawalan Pemegang Kad:
- a. Pemegang Kad gagal atau melanggar mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini.
 - b. Jika apa-apa representasi atau waranti yang telah dibuat atau dianggap telah dibuat oleh Pemegang Kad di bawah Terma dan Syarat ini atau yang terkandung dalam apa-apa perakuan, dokumen atau penyata kewangan atau lain-lain yang diberikan pada bila-bila masa menurut kepada terma-terma dan syarat- syarat dan dalam mana-

mana aspek yang material pada atau setakat tarikh dibuat atau dianggap dibuat.

- c. Jika Pemegang Kad diisytiharkan bankrap atau petisyen kebangkrutan telah dimulakan oleh atau terhadap mana-mana Pemegang Kad.
- d. Sekiranya terdapat keingkaran oleh Pemegang Kad dalam obligasinya untuk melaksanakan bayaran sebelum tarikh matang ke atas apa-apa liabiliti yang ditanggung selaras dengan terma-terma yang berkaitan atau gagal untuk membuat sebarang pembayaran apabila dituntut.
- e. Jika Pemegang Kad meninggal dunia atau tidak siaman.
- f. Jika distres atau waran penahanan atau pelaksanaan atau proses yang sepertinya dikeluarkan terhadap mana-mana bahagian substantial asset mana-mana Pemegang Kad.
- g. Jika ada mana-mana sekuriti pada masa sekarang atau pada masa hadapan atau ke atas aset-aset mana-mana Pemegang Kad menjadi boleh dikuatkuasakan dan pada pendapat Bank keadaan itu telah atau mungkin mempunyai kesan buruk yang material ke atas keupayaannya untuk memenuhi obligasi di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini.
- h. Jika memberikan maklumat-maklumat dan/atau dokumen palsu yang dikehendaki oleh Bank.
- i. Jika Pemegang Kad ingkar di bawah apa-apa perjanjian atau apa jua perkiraan lain dengan Bank.

13. ARAHAN TELEKOMUNIKASI

- 13.1 Bagi tujuan pengesahan, penyelenggaraan dan memudahcara Akaun, Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa maklumat yang diberikan kepada pihak Bank adalah tepat dan terkini. Pemegang Kad mestilah memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera bagi sebarang pertukaran maklumat. Pemegang Kad juga, dengan ini bersetuju, maklumat yang terdapat dalam sistem Bank adalah tepat dan terkini dan ia adalah maklumat yang sah digunakan oleh Bank sebagai salah satu sumber untuk pengesahan identiti Pemegang Kad.
- 13.2 Pemegang Kad secara khusus bersetuju dan memberikan kebenaran kepada Bank untuk bertindak mengikut arahan Pemegang Kad yang diberi menerusi telefon atau penghantaran faksimili atau melalui sebarang cara lain, arahan telekomunikasi (seterusnya dirujuk sebagai "Arahan Telekomunikasi") yang mana Bank mengikut budi bicaranya yakin datang daripada Pemegang Kad.
- 13.3 Pihak Bank akan mengesahkan identiti dan PIN Pemegang Kad melalui proses keselamatan yang diwujudkan oleh Bank (yang mungkin berubah dari semasa ke semasa).
- 13.4 Pemegang Kad mesti merahsiakan PIN dan kata laluan dan tidak boleh mendedahkannya kepada sesiapa pun.

- 13.5 Bank akan melaksanakan langkah-langkah munasabah untuk mengesahkan identiti individu berdasarkan maklumat yang dinyatakan di subklausu 12.1 (Peristiwa-peristiwa Keingkaran) yang memberikan arahan telekomunikasi sebagaimana dinyatakan dalam subklausu 12.2 (Peristiwa-peristiwa keingkaran), dianggap dibuat atas nama Pemegang Kad dan Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab kepada Pemegang Kad atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad sekiranya arahan telekomunikasi tersebut datang dari individu lain, selain daripada Pemegang Kad.
- 13.6 Walaubagaimanapun, Pemegang Kad boleh membuat rayuan kepada pihak Bank sekiranya Pemegang Kad boleh membuktikan bahawa arahan yang diterima oleh pihak Bank bukan datang daripada Pemegang Kad.
- 13.7 Sekiranya Bank bersetuju bertindak menurut arahan telekomunikasi seperti yang disebut di dalam klausa ini dan siasatan mendapati tiada sebarang kecuaiian daripada Bank, Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk membayar sepenuhnya kepada Bank bagi semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan/atau perbelanjaan yang ditanggung, dialami atau yang dikenakan ke atas Bank.

14. PENGECUALIAN LIABILITI

- 14.1 Bank tidak akan dalam sebarang keadaan, bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kerugian yang dialami oleh Pemegang Kad, termasuk kehilangan reputasi atau rasa malu:
- a. dari segi sebarang kenyataan yang memburuk-burukkan atau implikasi yang mungkin timbul akibat:
 - i. sebarang penamatan atau pembatalan Kad atau penolakan Bank untuk menggantikan Kad dan/atau;
 - ii. sebarang pembatalan, penggantungan atau sekatan penggunaan Kad dan/atau;
 - iii. penarikan balik sebarang manfaat, perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Pemegang Kad menerusi Kad dan/atau;
 - iv. pindaan, perubahan, pembatalan atau penggantungan semua atau mana-mana manfaat, perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan kepada Pemegang Kad menerusi Kad;
 - v. sebarang rasa tidak puas hati terhadap kualiti, keberkesanan dan/atau ketulenan barangan yang dibeli dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh Saudagar atau Pengeluar Tunai Dibenarkan;
 - vi. pembelian, urusan, kontrak dan/atau perjanjian melibatkan penipuan yang dilakukan atau disertai oleh Pemegang Kad dengan mana-mana Saudagar atau Pengeluar Tunai Dibenarkan.
 - b. yang timbul daripada sebarang tindakan atau kegagalan pelaksanaan oleh mana-mana Saudagar atau Pengeluar Tunai Dibenarkan, untuk sebarang sebab;
 - c. yang timbul daripada penolakan Saudagar atau Pengeluar Tunai Dibenarkan untuk menerima Kad;
 - d. dari segi sebarang pernyataan, perwakilan atau komunikasi oleh mana-mana Saudagar atau Pengeluar Tunai Dibenarkan;
 - e. akibat kerosakan atau kekurangan terhadap barangan yang dibeli dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana Saudagar atau Pengeluar Tunai

Dibenarkan;

- f. sekiranya Kad tidak diterima oleh Pemegang Kad selepas penghantaran Kad atau Kad disekat atau disimpan oleh mana-mana individu selain daripada Pemegang Kad dalam perjalanan;
 - g. timbul akibat kegagalan atau kelalaian Pemegang Kad untuk menepati dan mematuhi klausa-klausa di dalam Terma dan Syarat ini;
 - h. timbul akibat pemulangan sebarang cek, draf atau instrument yang didepositkan di ATM yang ditetapkan tetapi tidak diterima oleh Bank tanpa apa-apa kecuaiannya oleh Bank;
 - i. akibat daripada keengganan Bank untuk menerima kesemua atau mana-mana urusanniaga menggunakan Kad;
 - j. sekiranya sebarang urusanniaga (termasuk tetapi tidak terhad kepada Arahan Telekomunikasi) yang datang daripada individu tanpa kebenaran yang dianggap atas nama Pemegang Kad; atau
 - k. timbul daripada keengganan Bank menerima atau melaksanakan sebarang Arahan Telekomunikasi.
- 14.2 Pemegang Kad akan menguruskan sebarang tuntutan atau pertikaian terus dengan Saudagar atau Pengeluar Tunai Dibenarkan dan walaupun sebarang tuntutan atau pertikaian atau sementara menunggu resolusi atau penyelesaiannya, Pemegang Kad adalah bertanggungjawab dan tidak menahan sebarang pembayaran yang sewajarnya dan perlu dibayar kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini bagi semua urusanniaga dengan Saudagar atau Pengeluar Tunai Dibenarkan.
- 14.3 Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kecederaan atau kerosakan yang dialami yang timbul akibat dari sebarang keadaan yang di luar kawalan Bank.
- 14.4 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti atau sebarang urusanniaga yang tidak dibenarkan di mana transaksi itu telah dilaksanakan atau disebabkan oleh malware atau virus dalam komputer peribadi atau peranti pintar yang dimiliki atau digunakan oleh Pemegang Kad. Pemegang Kad mengaku janji untuk mengambil segala langkah-langkah pencegahan yang perlu untuk mengemaskini dan melindungi komputer peribadi dan peranti pintar bagi memastikannya bebas daripada malware atau virus.

15. TANGGUNG RUGI

- 15.1 Selain daripada dan tanpa prasangka terhadap hak yang diperuntukkan di bawah Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad mengaku janji untuk menanggung rugi pihak Bank daripada semua tindakan, tindakan undang-undang, tuntutan, permintaan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (termasuk perbelanjaan guaman dengan pelepasan tanggungan menyeluruh) yang ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasakan atau cuba menguatkuasakan hak-haknya di bawah Terma dan Syarat ini, akibat daripada salah urus dan pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat oleh Pemegang Kad. Walaubagaimanapun, Pemegang Kad boleh membuat rayuan

kepada pihak Bank secara bertulis untuk melaksanakan siasatan ke atas aduan yang dibuat.

- 15.2 Sekiranya siasatan mendapati pihak Bank telah melaksanakan segala langkah yang munasabah untuk mengelakkan sebarang kerugian yang mungkin di alami oleh Pemegang Kad, dengan ini, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada Bank secara berterusan sehinggalah liabiliti Bank dilunaskan sepenuhnya. Tanggungjawab ini hendaklah mengikat Pemegang Kad dan penerima serah hak, wakil, dan pengganti peribadinya untuk menuntut sebarang hak ke atas akaun Pemegang Kad sehingga liabiliti Bank dilunaskan sepenuhnya.
- 15.3 Tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, Bank akan melindungi Pemegang Kad daripada kerugian kewangan akibat transaksi tanpa kebenaran sekiranya kerugian tersebut berpunca daripada perkara-perkara yang berada dalam kawalan Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:
- a) Bank gagal memaklumkan dengan jelas tanggungjawab Pemegang Kad;
 - b) Bank gagal menyediakan saluran yang mencukupi, mudah diakses dan berkesan untuk Pemegang Kad melaporkan kehilangan, kecurian atau penggunaan kad tanpa kebenaran;
 - c) Kegagalan, gangguan atau kelemahan dalam sistem, infrastruktur atau persekitaran pemprosesan Bank;
 - d) Kelemahan dalam pengesanan penipuan atau kegagalan Bank mengambil tindakan munasabah terhadap risiko penipuan yang diketahui;
 - e) Penggunaan kad yang palsu, rosak, tamat tempoh atau telah dibatalkan;
 - f) Transaksi yang berlaku sebelum Pemegang Kad menerima PIN atau maklumat keselamatan berkaitan kad;
 - g) Penipuan, kecuaiian atau salah laku oleh kakitangan Bank, penyedia perkhidmatan, peniaga atau mana-mana pihak lain yang terlibat dalam pemprosesan transaksi;
 - h) Transaksi yang berlaku selepas Pemegang Kad memaklumkan Bank mengenai kehilangan, kecurian atau pendedahan PIN atau maklumat keselamatan; atau
 - i) Kegagalan Bank atau pihak berkaitan untuk menilai bukti dengan sewajarnya semasa siasatan transaksi tidak dibenarkan.
- 15.4 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian akibat transaksi tanpa kebenaran sekiranya Bank dapat membuktikan secara munasabah bahawa Pemegang Kad telah:
- a) bertindak secara penipuan;
 - b) enggan atau gagal memberikan kerjasama semasa siasatan; atau
 - c) gagal mematuhi tanggungjawab Pemegang Kad di bawah Klausula 35.

16. PENDEDAHAN

- 16.1 Pemegang Kad bersetuju memberi kuasa kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan apa - apa juga maklumat berkaitan dengan status Akaun, akaun Pembiayaan atau kemudahan kewangan ini dan dokumen Pembiayaan ini termasuk dokumen sekuriti dan data peribadi Pemegang Kad dan kemudahan-kemudahan di Bank bagi tujuan pelaksanaan operasi perbankan, pemeriksaan akaun simpanan, pembiayaan, perniagaan, pentadbiran, nasihat profesional dan apa-apa tujuan lain yang dikehendaki oleh dan/atau dibenarkan di bawah undang-undang kepada:-

- i. anak syarikat Bank dan/atau mana-mana syarikat di bawah kumpulan Bank;
- ii. mana-mana pihak yang dibenarkan selaras dengan Sekysen 120 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;
- iii. ejen Bank;
- iv. Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS), Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (eSPICK), Financial Information Services (FIS), Sistem Potongan Gaji Angkasa (SPGA) dan Sistem Pelaporan Kredit Angkasa & RAM Credit Information Sdn Bhd (SPEKAR);
- v. mana-mana Saudagar, bank atau institusi kewangan, MasterCard International atau VISA International dan mana-mana ahli institusi MasterCard International atau VISA International atau pemberi perkhidmatan rangkaian pembayaran atau mana-mana pihak yang berminat untuk memanfaatkan penggunaan Kad tersebut;
- vi. mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak Bank, mana-mana pihak penjamin/sekuriti dan/atau peguam yang mewakili mereka atau ejen pemungut hutang atau penyelia perkhidmatan;
- vii. mana-mana syarikat atau institusi bagi tujuan pelaksanaan konsep dan transaksi Syariah;
- viii. penyedia perkhidmatan dan agensi pemungut hutang;
- ix. mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
- x. mana-mana pihak yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan termasuk pemberi sekuriti;
- xi. pemegang serahan hak yang dibenarkan dan diberikuasa oleh Bank; dan
- xii. mana-mana pihak yang selaras dengan penguatkuasaan undang-undang.

17. PERTIKAIAN

- 17.1 Pemegang Kad boleh menyelesaikan terus semua rungutan, tuntutan dan pertikaian terhadap Saudagar atau Pengeluar Tunai Dibenarkan dan tanpa menerusi Bank.
- 17.2 Bank tidak menanggung sebarang liabiliti bagi sebarang pertikaian yang timbul di antara Pemegang Kad dan Saudagar atas sebab-sebab berikut: 1) Saudagar mengubah harga barangan dan perkhidmatan yang dibeli melalui Kad. 2) Jika mana-mana Saudagar atau institusi kewangan enggan untuk mengiktiraf Kad. 3) Sebarang pertikaian berhubung dengan jenis, kualiti, kecacatan, kerosakan, keselamatan, kepatuhan Syariah, waranti barangan/perkhidmatan yang dibeli melalui Kad sama ada tersurat mahupun tersirat.
- 17.3 Sebarang tuntutan dan/atau pertikaian terhadap Saudagar atau Pengeluar Tunai Dibenarkan, tidak mengecualikan Pemegang Kad daripada kewajipan untuk membayar jumlah yang dikenakan di bawah Terma dan Syarat ini kepada Bank.
- 17.4 Pemegang Kad bersetuju dan mengakui bahawa sebarang tuntutan atau pertikaian berkaitan pengebilan berulang dan/atau pengebilan yang tertera dalam penyata Akaun boleh dikemukakan terus oleh Pemegang Kad kepada Saudagar dan tidak menyebabkan Bank bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun.
- 17.5 Bank tidak akan melayan sebarang permintaan Pemegang Kad untuk menahan, menghentikan atau menggantung sebarang pengebilan urusanniaga pembayaran berhubung sebarang rungutan, tuntutan dan/atau pertikaian oleh Pemegang Kad terhadap mana-mana Saudagar

atau Pengeluar Tunai Dibenarkan kecuali ia disebabkan penggunaan Kad tanpa kebenaran Pemegang Kad.

- 17.6 Di dalam keadaan yang membenarkan Pemegang Kad untuk caj balik urusan-urusan MasterCard kepada Saudagar, di mana urusan dilakukan (sekiranya ada hak untuk caj balik) dengan syarat Pemegang Kad membuat aduan/tuntutan atau pertikaian kepada Bank secara bertulis dalam tempoh 14 hari daripada tarikh urusan dan/ atau tarikh transaksi dicajkan di dalam Akaun dan Pemegang Kad telah memberikan segala maklumat yang perlu yang diminta oleh Bank untuk menyokong caj balik tersebut serta dibuat dalam jangka masa yang ditetapkan oleh Bank.

18. NOTIS

- 18.1 Pemegang Kad mesti memaklumkan kepada pihak Bank sebarang perubahan dalam butiran peribadinya termasuk nombor kad pengenalan, nama, alamat dan nombor telefon yang mungkin berubah dari semasa ke semasa untuk memastikan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang berpunca daripada penolakan permohonan yang disebabkan oleh permohonan berganda, permohonan yang disyaki, tidak tepat dan/atau tidak lengkap dan sebagainya, yang di luar kawalan pihak Bank.
- 18.2 Kegagalan Pemegang Kad untuk memaklumkan Bank mengenai perkara tersebut juga akan menyebabkan kelewatan atau pemulangan sebarang penyata, surat atau notis tidak menjejaskan hak-hak atau kelayakan Bank seperti dinyatakan di bawah.
- 18.3 Sebarang penyata akaun, surat atau notis kepada Pemegang Kad akan diserahkan atau dikirim melalui transmisi faksimili atau teleks atau melalui pos (berdaftar, biasa atau lain-lain) ke alamat terakhir Pemegang Kad yang berdaftar dengan Bank dan dianggap telah diterima tepat pada masanya oleh Pemegang Kad pada masa ia diserahkan, dihantar melalui transmisi faksimili atau teleks atau secara elektronik atau digital dalam tempoh tujuh (7) hari selepas pengiriman, dan jika diposkan, adalah memadai untuk membuktikan yang notis telah dialamatkan dan dikirimkan dengan betul.
- 18.4 Surat menyurat atau notis umum boleh juga diberikan kepada Pemegang Kad dengan memaparkan notis tersebut di premis-premis Bank di mana Akaun diselenggarakan atau di cawangan-cawangan Bank, menerusi penerbitan dan pengiklanan dalam mana-mana akhbar yang diedarkan di Malaysia dan/atau menerusi mana-mana media lain yang dipilih oleh Bank.
- 18.5 Walau apa pun peruntukan lain bertentangan yang terkandung dalam Perjanjian ini, Pemegang Kad secara jelas dan suci hati bersetuju bahawa mana-mana kaedah pemberitahuan/makluman/notis yang diberi atau akan diberikan kepada Pemegang Kad boleh disampaikan Bank kepada Pemegang Kad: -
- i. melalui telefon;
 - ii. melalui sistem pesanan ringkas (SMS) atau mel elektronik;
 - iii. borang yang dihasilkan melalui komputer; atau
 - iv. transmisi elektronik (iaitu komunikasi atas talian termasuk tetapi tidak terhad kepada arahan yang diterima melalui aplikasi perbankan mudah alih);
- yang mana melalui kaedah tersebut, pemberitahuan/makluman/notis tidak akan menanggung apa-apa tandatangan dan/atau mungkin mengandungi salinan tandatangan bercetak.

19. UMUM

- 19.1 Terma & Syarat-Syarat yang dikenakan bagi kegunaan Kad juga termasuk kegunaan bagi Rangkaian ATM bersama di bawah MEPS atau mana-mana institusi yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.
- 19.2 Melainkan disebut dengan nyata sebaliknya di sini, kesemua Terma dan Syarat yang mengawal operasi Akaun dengan Bank adalah terpakai dan berkuat kuasa sepenuhnya ke atas dan /atau Pemegang Kad.
- 19.3 Pemegang Kad bersetuju bahawa penggunaan Kad adalah atas tanggungan Pemegang Kad sepenuhnya. Pemegang Kad juga menanggung mana-mana dan kesemua risiko yang berkaitan atau bersangkutan atau yang mungkin timbul akibat dari penggunaan Kad.

20. YURAN DAN CAJ YANG DIKENAKAN OLEH BANK

- 20.1 Pemegang Kad bersetuju membayar semua yuran dan caj yang dikenakan dalam Terma dan Syarat ini atau tertera di dalam Helaian Pendedahan Produk serta membenarkan pihak Bank mendebitkan Akaunnya pada tarikh dan tempoh masa yang telah ditetapkan oleh pihak Bank.
- 20.2 Yuran dan caj yang dikenakan oleh Bank ini boleh berubah dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat perubahan kepada yuran dan caj tersebut, Bank akan memberi notis pemberitahuan tidak kurang daripada 21 hari sebelum penambahan, pembatalan atau pindaan dilaksanakan mengikut kaedah pemberitahuan yang termaktub dalam klausa 18.0 (Notis).

21. BAYARAN

- 21.1 Sebarang wang yang perlu dijelaskan kepada Pemegang Kad di bawah Terma dan Syarat ini terutamanya dari mana-mana pelarasan dan pembetulan yang perlu atau sebarang keputusan terhadap pertikaian atau tuntutan oleh Pemegang Kad akan dikreditkan/didebitkan ke Akaun berkaitan, tertakluk kepada ketetapan Bank.

22. PENYUSUNAN SEMULA BANK DAN PEMEGANG KAD

- 22.1 Hak-hak, liabiliti-liabiliti, obligasi-obligasi yang diwujudkan oleh Terma dan Syarat ini akan terus sah dan mengikat bagi semua tujuan walaupun berlaku apa-apa perubahan melalui penggabungan, penyusunan semula atau cara lain yang boleh dibuat dalam perlembagaan Bank. Adalah dengan ini secara nyatanya diisytiharkan bahawa tiada perubahan sekalipun yang dibuat berkaitan dengan atau yang memberi kesan kepada Pemegang Kad akan dalam apa-apa cara boleh memberi kesan kepada liabiliti-liabiliti dan / atau obligasi-obligasi yang diwujudkan di bawah ini berkaitan dengan apa jua transaksi sama ada masa lalu, masa kini atau masa depan.

23. MANFAAT KEPADA PENYERAHHAK, PENGGANTI-PENGGANTI, DLL.

- 23.1 Terma dan Syarat ini adalah mengikat dan memberi manfaat kepada Bank dan Pemegang Kad dan pengganti-pengganti hakmilik dan penerima serahhak-penerima serahhak masing-masing. Pemegang Kad tidak boleh menyerahkan hak atau obligasi di bawah Terma dan Syarat ini tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Bank.
- 23.2 Namun begitu Pemegang Kad tetap menanggung liabiliti bagi semua obligasinya di bawah ini sekiranya berlaku kegagalan mendedahkan sebarang fakta penting berkaitan dengan penyerahan hak Pemegang Kad, yang mana sekiranya didedahkan akan mempengaruhi keputusan Bank untuk bersetuju dengan penyerahan hak tersebut. Semua akujanji, perjanjian, representasi dan waranti yang telah diberikan, dibuat atau dimeterai oleh Pemegang Kad di bawah Terma dan Syarat ini hendaklah terus kekal bertahan dari sebarang penyerahan hak yang dilaksanakan.

24. PEMELIHARAAN HAK DAN KELAYAKAN

- 24.1 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuatkuasa dan berterusan walaupun terdapat sebarang peluputan, pembatalan dan penggantungan Kad oleh Bank.

25. BUKTI PENGGUNAAN

- 25.1 Apabila Kad diterima oleh Pemegang Kad, tanggungjawab membuktikan Kad tersebut tidak digunakan oleh Pemegang Kad semasa urusan yang dipertikaikan berlaku adalah terletak pada Pemegang Kad itu sendiri.
- 25.2 Melainkan dan sehingga dibuktikan dan setelah Bank berpuas hati, Pemegang Kad adalah bertanggungjawab ke atas semua urusan di bawah Akaun berkaitan, yang timbul daripada urusan yang dipertikaikan tersebut atau mana-mana satu daripadanya.

26. PENGGUNAAN DATA PERIBADI

- 26.1 Pemegang Kad bersetuju untuk Bank mengumpul data peribadi Pemegang Kad dan digunakan/diproses antara lain bagi .tujuan penyampaian notis, perkhidmatan atau produk dan pemasaran/pengiklanan produk atau perkhidmatan dari semasa ke semasa; prosedur perkhidmatan/perhubungan pelanggan; penilaian kredit dan semakan latar belakang Pemegang Kad dengan pihak-pihak sepertimana yang dianggap sesuai; memenuhi keperluan undang-undang atau kawal selia berkaitan perkhidmatan atau produk Bank; penyelidikan, penanda aras dan analisis perangkaan; dan membolehkan Bank menghantar maklumat kepada Pemegang Kad melalui notis, panggilan telefon, SMS, E-mel, media sosial atau apa-apa cara yang munasabah dari semasa ke semasa dan Bank akan terus mengawal data peribadi Pemegang Kad dengan sewajarnya selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- 26.2 Pemegang Kad boleh memohon semakan data peribadi dengan memberikan notis bertulis

terdahulu kepada Bank, untuk memastikan kesahihan dan ketepatan data peribadi yang disimpan oleh Bank.

- 26.3 Pemegang Kad boleh menarik balik persetujuan ini dengan memberikan notis bertulis terdahulu kepada Bank, sekiranya telah membatalkan atau dibatalkan perkhidmatan Kad.

27. FORCE MAJEURE

- 27.1 Tanpa prejudis kepada mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad bersetuju untuk tidak meminta Bank bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian dari mana-mana obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini, disebabkan daripada kegagalan mana-mana alat mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau apa-apa mogok, boikot, sekatan, bencana alam, kecacauan sivil atau sebab yang di luar kawalan Bank. Sebarang ketidakupayaan untuk memenuhi pembayaran yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad kepada Bank kerana kekurangan dana tidak akan dianggap sebagai satu peristiwa force majeure.

28. UNDANG-UNDANG

- 28.1 Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan dalam segala aspek mengikut undang-undang Malaysia.

29. PERBELANJAAN YANG DITANGGUNG OLEH BANK

- 29.1 Semua wang yang dibelanjakan oleh Bank di bawah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa untuk dan bagi pihak Pemegang Kad dan untuk akaunnya hendaklah boleh didapatkan semula daripada Pemegang Kad dan hendaklah dijelaskan apabila dituntut. Jika tiada pembayaran, wang itu akan dianggap menjadi sebahagian dari keberhutangan.³⁹

30. KETIDAKSAHAN SEBARANG PERUNTUKAN

- 30.1 Mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini yang tidak sah, tidak boleh dikuatkuasakan atau dilarang tidak akan memberi kesan kepada kesahihan atau kebolehuatkuasaan peruntukan-peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini.

31.0 LANJUTAN MASA

- 31.1 Liabiliti dan obligasi-obligasi Pemegang Kad tidak akan terjejas atau dilepaskan atas sebab sebarang lanjutan masa atau kelonggaran- kelonggaran lain yang diberikan oleh atau dengan kebenaran Bank kepada Pemegang Kad atau kepada mana-mana orang yang bertanggungjawab untuk membayar apa-apa wang yang dijamin di sini atau atas sebab apa-apa perkiraan yang telah dibuat atau komposisi telah diterima oleh Bank yang mengubah operasi undang-undang atau sebaliknya hak-hak dan remedi-remedi Bank di bawah peruntukan-peruntukan Terma dan Syarat ini.

32.0 MASA

32.1 Masa di mana sahaja disebutkan, adalah merupakan intipati dalam Terma dan Syarat ini.

33.0 CUKAI

33.1 Yuran dan caj yang dikenakan oleh Bank adalah tidak termasuk cukai yang dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak berkuasa. Sekiranya terdapat sebarang cukai dikenakan dibawah apa-apa perundangan, Bank berhak mengenakan Pemegang Kad caj cukai bagi maksud penggunaan perkhidmatan Kad ini, yang dikehendaki dibayar di bawah undang-undang. Kewajipan pembayaran cukai adalah sebahagian terma & syarat perkhidmatan Kad.

34.0 ADUAN

34.1 Sekiranya Pemegang Kad mempunyai sebarang aduan atau pertanyaan berhubung Terma dan Syarat ini atau Kad Dedit-i, Pemegang Kad boleh mengemukakan aduan melalui saluran berikut:

1. Telefon: Hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454
2. Surat-menyurat : Hantarkan aduan ke:
Unit Biro Aduan Awam,
Khidmat Pelanggan,
Menara 1, Menara Kembar Bak Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral,
50470, Kuala Lumpur
3. E-mel: aduan@bankrakyat.com.my

34.2 Sebagai alternatif, Pemegang Kad boleh menghubungi Bank Negara melalui BNMLINK - Pertanyaan dan Aduan:
Laman web: bnm.gov.my/BNMLINK
Alamat : Aras 4, Podium Bangunan AICB, No .10, Jalan Dato' Onn, 50480, Kuala Lumpur

34.3 Sekiranya Pemegang Kad tidak berpuas hati dengan keputusan Bank, Pemegang Kad boleh merujuk pertikaian tersebut kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan, tertakluk kepada peraturan dan prosedur yang berkenaan.

35. Tanggungjawab Pemegang Kad

- 35.1 Pemegang Kad hendaklah pada setiap masa:
- a) Mematuhi Terma dan Syarat ini dalam penggunaan kad;
 - b) Mengambil langkah munasabah untuk melindungi kad, PIN, OTP dan maklumat keselamatan, termasuk:
 - TIDAK mendedahkan PIN atau maklumat keselamatan kepada mana-mana pihak;
 - TIDAK membenarkan orang lain menggunakan kad atau PIN;
 - TIDAK berkongsi butiran kad tanpa keperluan;
 - TIDAK menyimpan atau menulis PIN bersama kad;
 - TIDAK menggunakan PIN yang mudah diteka (contohnya tarikh lahir atau

- nombor pengenalan); atau
 - TIDAK gagal menjaga keselamatan telefon atau peranti keselamatan;
- c) Memaklumkan Bank dengan segera sekiranya:
- kad hilang atau dicuri;
 - berlaku atau disyaki berlaku transaksi tidak dibenarkan; atau
 - PIN, OTP, telefon atau maklumat keselamatan telah terjejas;
- d) Memaklumkan Bank dengan segera sekiranya menerima notifikasi transaksi yang tidak dilakukan oleh Pemegang Kad;
- e) Memastikan maklumat perhubungan, khususnya nombor telefon mudah alih, sentiasa dikemas kini;
- f) Menggunakan kad secara berhemah dan hanya untuk tujuan yang sah; dan
- g) Menyemak penyata akaun secara berkala serta melaporkan sebarang ketidaktepatan atau transaksi mencurigakan tanpa kelewatan.

36 Kata Laluan Sekali Guna (“OTP”)

- 36.1 Bank boleh menghantar kata laluan sekali guna (“OTP”) ke nombor telefon mudah alih berdaftar Pemegang Kad bagi tujuan pengesahan identiti dan kelulusan akses perkhidmatan atau pelaksanaan transaksi tertentu.
- 36.2 Dengan menggunakan OTP, Pemegang Kad mengesahkan bahawa arahan atau transaksi tersebut telah diberi kebenaran oleh Pemegang Kad. Bank berhak untuk bergantung kepada pengesahan melalui OTP dan tidak bertanggungjawab atas sebarang tindakan yang diambil berdasarkan arahan yang telah disahkan dengan betul menggunakan OTP.
- 36.3 Sebarang arahan yang disahkan melalui OTP adalah sah dan mengikat Pemegang Kad serta secara amnya tidak boleh dibatalkan atau dipertikaikan, kecuali jika arahan tersebut terbukti berpunca daripada kecuaiian melampau atau salah laku sengaja oleh Bank.

37. Transaksi Tanpa Sentuh (*Contactless*)

- 37.1 Pemegang Kad mengesahkan bahawa Kad Debit-i dilengkapi ciri yang membolehkan pelaksanaan transaksi (sehingga had yang telah ditetapkan dan dimaklumkan oleh Bank) melalui teknologi tanpa sentuh (“*Contactless*”) yang tidak memerlukan tandatangan ataupun nombor PIN Pemegang Kad sebagai pengesahan terhadap transaksi berkenaan.
- 37.2 Kemudahan Transaksi Tanpa Sentuh hanya akan diaktifkan sebaik sahaja Pemegang Kad mengaktifkan Kad Debit-i melalui kaedah pengaktifan kad yang diiktiraf oleh Bank Rakyat.
- 37.3 Transaksi Tanpa Sentuh tanpa kemasukan PIN hanya boleh dilaksanakan di Terminal Bayaran tanpa sentuh dengan jumlah transaksi yang tidak melebihi RM250. Transaksi Tanpa Sentuh bagi transaksi yang melebihi RM250 boleh digunakan dengan memasukkan PIN Pemegang Kad.
- 37.4 Pemegang Kad mengakui bahawa semua Transaksi Tanpa Sentuh yang menggunakan Kad Debit-i akan dianggap telah mendapat kebenaran sewajarnya kecuali jika Pemegang Kad dapat mengemukakan bukti konklusif yang membuktikan sebaliknya. Dalam perkara ini, Pemegang

Kad memahami bahawa kemudahan Transaksi Tanpa Sentuh boleh digunakan tanpa kebenaran dan bersetuju untuk menanggung risiko yang berkaitan.

38. Kill Switch dan Sekatan Kad

- 38.1 Sekiranya Pemegang Kad mengaktifkan fungsi Kill Switch atau menyekat kad, akaun atau saluran akses atas sebab keselamatan, sebarang percubaan transaksi selepas itu akan ditolak, walaupun pengesahan OTP telah digunakan.
- 38.2 Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang ketidakupayaan untuk bertransaksi akibat langkah keselamatan tersebut, selagi ia dilaksanakan bagi melindungi Pemegang Kad.

39. Had Transaksi Ke Atas Kad

- 39.1 Melainkan diarahkan sebaliknya oleh Pemegang Kad atau sekiranya Pemegang Kad tidak menetapkan sebarang had transaksi, Bank berhak, mengikut budi bicara mutlak, untuk menentukan dan menetapkan apa-apa had bagi mana-mana Perkhidmatan, termasuk had dari segi amaun, kekerapan atau kegunaan.
- 39.2 Pemegang Kad tidak dibenarkan menggunakan Kad bagi tujuan pengeluaran tunai, bayaran atau pindahan wang sekiranya baki Akaun tidak mencukupi.
- 39.3 Had Pengeluaran Tunai Harian melalui Mesin Teler Automatik (ATM) bagi Kad Debit-i Bank Rakyat ditetapkan pada RM3,000, tertakluk kepada had maksimum sehingga RM10,000 atau amaun lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 39.4 Had Pemindahan Harian melalui ATM bagi Kad Debit-i Bank Rakyat ditetapkan pada RM3,000, tertakluk kepada had maksimum sehingga RM10,000 atau amaun lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 39.5 Pemegang Kad boleh, pada bila-bila masa, memohon untuk mengubah Had Pengeluaran Tunai Harian dan Had Pemindahan Harian melalui ATM Bank Rakyat atau melalui apa-apa saluran lain yang diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa, tertakluk kepada had maksimum terkumpul sebanyak RM10,000 sehari.
- 39.6 Had Belian Runcit Harian bagi Kad Debit-i Bank Rakyat ditetapkan pada RM3,000. Pemegang Kad boleh, pada bila-bila masa, memohon untuk mengubah Had Belian Runcit Harian melalui ATM Bank Rakyat atau melalui apa-apa saluran lain yang diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa, tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM50,000 sehari.

40. Hak Penyatuan dan Tolakan

- 40.1 Berikutan berlakunya Peristiwa Keingkar, setelah memberi notis selama tujuh (7) hari kepada Pemegang Kad, Bank Rakyat boleh menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana akaun (akaun-akaun) Pemegang Kad dengan Bank Rakyat dan liabiliti-liabiliti terhadap Bank Rakyat dan pihak Bank Rakyat boleh membuat tolakan atau memindahkan sebarang jumlah yang ada di Akaun Pemegang Kad untuk menjelaskan mana-mana liabiliti Pemegang Kad kepada Bank Rakyat.